

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (14)

7 Mac 2025
6 Ramadan 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 12/2025

PERINTAH PERBADANAN DAN PERINTAH KAMPUS CAWANGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa pada menjalankan kuasa di bawah Seksyen 6(1A) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah perkenan untuk membuat Perintah (Perbadanan) Institut Teknologi Kebangsaan (Pindaan) 2024, P.U.(A) 174/2024 dibuat pada 27 Mei 2024 dan telah diwartakan pada 28 Jun 2024 oleh Jabatan Peguam Negara (selepas ini dikenali sebagai “Perintah Perbadanan”).

Dimaklumkan juga bahawa pada menjalankan kuasa di bawah Seksyen 12(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi selepas berunding dengan Lembaga telah membuat Perintah Kampus seperti berikut:

- a) Perintah Universiti Teknologi Malaysia (Kampus) (Cawangan Kuala Lumpur) 2024, P.U.(A) 175/2024 dibuat pada 27 Mei 2024 dan telah diwartakan pada 28 Jun 2024 oleh Jabatan Peguam Negara; dan
- b) Perintah Universiti Teknologi Malaysia (Kampus) (Cawangan Pagoh) 2017 P.U.(A) 296/2017 dibuat pada 12 September 2017 dan diwartakan pada 2 Oktober 2017 oleh Jabatan Peguam Negara
(selepas ini dikenali sebagai “Perintah Kampus”)

Berdasarkan Perintah Perbadanan dan Perintah Kampus Kuala Lumpur dan Pagoh, maka secara rasminya UTM Skudai Johor diiktiraf sebagai Kampus Utama/Induk dan UTM Kuala Lumpur dan UTM Pagoh Johor sebagai Kampus Cawangan. Statut Ketua Kampus Cawangan UTM dan Kaedah Pengurusan Kampus Cawangan UTM akan diwujudkan bagi memastikan pengurusan governan dan tatakelola Kampus Cawangan dilaksanakan secara teratur selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa.

Warga Universiti boleh memuat turun salinan Perintah Perbadanan dan Perintah Kampus Kuala Lumpur dan Pagoh di pautan *Policy and Legislative* di <https://rdpp.utm.my/Repo>. Sehubungan dengan itu, semua warga Universiti dimohon mengambil maklum berkaitan perkara ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZAIRES BIN MD DARIS)

Menjalankan Fungsi Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM (Cawangan Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah